

18/11/1998

Al Gore biadab (HL)

KUALA LUMPUR, Selasa - Masyarakat antarabangsa menyertai Malaysia mengutuk Naib Presiden Amerika Syarikat (AS), Al Gore, kerana secara terbuka menyokong gerakan reformasi di Malaysia menjelang sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini.

Sementara pelbagai lapisan masyarakat dan pertubuhan di negara ini menyifatkan kenyataan Gore yang turut direstui Washington sebagai biadab dan keterlaluan, kebanyakan pemimpin Apec pula menganggap ucapan provokatif pemimpin AS itu telah mencemarkan sidang kemuncak Apec yang bermula hari ini.

Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, berkata: "Kita di sini untuk tujuan tertentu, tetapi politik mencemarkan Apec."

Sambil menegaskan adalah tidak wajar untuk membawa isu politik dan dalaman negara lain di mesyuarat Apec, beliau berkata: "Forum yang tepat untuk membawanya ialah di pertemuan dua hala."

Menurut Goh, beliau boleh faham kenapa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersedih, sama juga seperti rakyat Amerika jika Dr Mahathir membuat ulasan mengenai politik Amerika.

"Itulah gaya Amerika dan kita terpaksa menerimanya," katanya.

Ditanya sama ada Gore melampaui batas, Goh berkata terpulanglah kepada Dr Mahathir "membuat keputusan bagaimana menangani keadaan itu."

Dalam campur tangan terang-terangan dalam hal ehwal politik dalaman Malaysia, Gore dalam ucapannya pada majlis jamuan sidang perniagaan Apec di sini, malam tadi, menganggap penunjuk perasaan yang terbabit dalam gerakan reformasi sebagai "rakyat Malaysia yang berani".

Gore mewakili Presiden Bill Clinton ke Sidang Kemuncak Apec, tetapi ucapannya mengenai reformasi di Malaysia turut direstui Washington.

Menurut jurucakap Rumah Putih, Phillip Crowley, kenyataan Gore senada dengan gerakan reformasi pembangkang di Malaysia dan negara lain di rantau itu.

Beliau juga berkata Setiausaha Negara, Madeleine Albright, bertemu Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail malam Sabtu lalu.

Mengulas isu itu, Perdana Menteri New Zealand Jenny Shipley berkata, bukanlah cara New Zealand untuk melakukan 'diplomasi megafon'.

"Jangan keliru berkaitan isu, Apec adalah forum kerjasama ekonomi. Memang jelas terdapat isu hubungan dua hala yang ingin ditimbulkan di Malaysia, tetapi ia tidak seharusnya menggunakan forum Apec," kata Shipley.

Menteri Luar Thailand Surin Pitsuwan pula berkata Gore seharusnya mengawal diri.

"Anda harus berhati-hati terhadap perasaan orang lain. Kita berada di sini untuk menyelesaikan masalah ekonomi dan bertukar pendapat," katanya.

Sadaaki Numata, seorang jurucakap Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi, pula berkata: "Kita tidak akan membuat ulasan seperti itu dan kita melihatnya tidak wajar."

Richard Holwill, bekas Duta Amerika ke Ecuador, dalam memohon maaf kerana 'lakonan jelek' Gore, berkata masyarakat perniagaan Amerika "tidak boleh lagi memandang kepada kerajaan sebagai pembela" dalam menimbulkan isu-isu berat yang sah.

"Akibat singgungan Gore itu, kebolehan pentadbiran Amerika untuk berhubung telah disia-siakan," kata Holwill, yang juga pengerusi bersama Pasukan Petugas Asia di Dewan Perdagangan Amerika dan Pengarah Hal Ehwal

Antarabangsa Amway Corporation.

Pengerusi Bersama Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac), Philip Burdon, juga kesal kerana Gore mengambil kesempatan majlis itu untuk menyampaikan ucapan politik.

Sementara itu, Perdana Menteri Australia John Howard dilaporkan mengelak mengulas sokongan Amerika berkaitan pergerakan reformasi.

Howard berkata: "Sebuah negara sebesar Australia tidak harus memberi `kuliah' kepada negara lain."

Di BEIJING, jurucakap Kementerian Luar China, Tang Guoqiang, berkata China sentiasa menyokong prinsip saling menghormati kedaulatan sesebuah negara dan tidak campur tangan dalam hal ehwal dalam negara mana-mana negara.

"Ini pendirian kami dan kami harap negara lain menghormati prinsip ini dalam mengendalikan hubungan mereka," kata Tang.

Sementara itu, Pengerusi dan Ketua Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Datuk Noordin Sopiee, berkata Al Gore tidak hanya perlu meninggalkan dewan mesyuarat Apec selepas melukakan hati rakyat Malaysia, malah beliau seharusnya segera meninggalkan negara ini.

Menurutnya, naib presiden itu tidak sepatutnya kembali semula ke Malaysia, sehingga beliau mempelajari selok-belok mengenai tatasusila yang beradap.

Senator Datuk Zainuddin Maidin, pula melihat kenyataan Gore sebagai hasutan untuk membangkitkan kekacauan tanpa mempedulikan kepentingan ahli perniagaan dan perusahaan Malaysia.

Kenyataan Al Gore juga, katanya, menampakkan seperti beliau melepaskan perasaan geram dan marahnya kerana kekecewaan Amerika terhadap kegagalan agendanya di Malaysia terutama dalam hasrat untuk meletakkan pemimpin yang telah diketahui kelemahannya bagi memimpin dan mewarisi kepemimpinan negara.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, berkata tindakan sumbang Gore membuktikan beliau tidak menghormati tuan rumah, kurang bijak dan tidak memahami budaya bangsa dan negara ini.

"Bangsa Malaysia pantang membicarakan apa-apa perkara yang boleh mengecilkan hati mana-mana pihak ketika menghadapi rezeki di meja makan," katanya.

Presiden Kelab Senator, Datuk Rahim Baba, turut memandang serius tindakan dan ucapan Gore yang bukan menggambarkan pendapat keseluruhan rakyat Amerika.

(END)